

**Date and Time:** Sunday, 15 February 2026 11:31□pm +08

**Job Number:** 275786366

## Document (1)

1. [Tenaga Nasional Bhd lwn KHN Trading & Constructions Resources Sdn Bhd \[2022\] MLJU 3810](#)

**Client/Matter:** -None-

**Search Terms:** "syazwan hasim"

**Search Type:** Natural Language

**Narrowed by:**

**Content Type**  
MY Cases

**Narrowed by**  
-None-

**Tenaga Nasional Bhd Iwn KHN Trading & Constructions Resources Sdn  
Bhd [2022] MLJU 3810**

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH MAJISTRET (SELANGOR)

ELLYNA OTHMAN M

GUAMAN SIVIL NO BA-A72NCVC-106-01 TAHUN 2021

19 December 2022

*(Alvin John & Partners) bagi pihak plaintif.*

*(**Syazwan Hasim** & Azeel Iskandar) bagi pihak defendan.*

## **Ellyna Othman M:**

### **ALASAN PENGHAKIMAN**

#### **PENDAHULUAN**

[1] Plaintif dalam perbicaraan ini telah memanggil empat (2) orang saksi dan Defendan pula memanggil tiga (3) orang saksi untuk memberikan keterangan semasa perbicaraan.

[2] Kertas-kertas kausa yang relevan serta ekshibit bagi perbicaraan adalah seperti berikut:

#### KERTAS KAUSA

- a) Ikatan Pliding [Ikatan "A"];
- b) Ikatan Dokumen Bersama [Ikatan "B"];
- c) Pernyataan Fakta-fakta Yang Dipersetujui [Ikatan "C"]
- d) Isu-Isu Untuk Dibicarakan [Ikatan "D"];
- e) Ringkasan fakta kes Yang Dipersetujui [Ikatan "E"]
- f) Senarai Saksi Plaintif ["Lampiran "F"];
- g) Senarai Saksi Defendan ["Lampiran "G"];

#### EKSIBIT

- a) Gambar lokasi kejadian [Eksibit "P2 A-C"]
- b) Laporan Awal Pemeriksaan (Rechargeable Job Order) (MS 132-144 Ikatan Dokumen Bersama) [Eksibit "P 3"]
- c) Sijil 90A [Eksibit "P 4"]

[3] Saksi-saksi berikut telah memberikan keterangan bagi pihak Plaintif dengan menyediakan pernyataan-pernyataan saksi seperti dinyatakan di bawah ini:

- (i) "SP-1" - Rasdan bin Mohd Yusof - Juruteknik Tingkatan Tertinggi TNB - Pernyataan Saksi sebagai "P 1";
- (ii) "SP-2" - Mohd Suhaimi bin Anuar - Head of Zone of Asset Kuala Lumpur - Pernyataan Saksi ditandakan sebagai "P 6";

Bagi pihak Defendan pula saksi berikut memberikan keterangan dengan penyata saksi disediakan:

- (i) "SD-1" - Hishamudin bin Adnan - Pengarah Defendan-Pernyataan Saksi ditandakan sebagai "D-7".

- (ii) "SD-2" - Lim Yee Ling - Pengurus Chubb Insurance Malaysia Berhad - Pernyataan Saksi ditandakan sebagai "D-8".
- (iii) "SD-3" - Muhamad Shahrul Amri bin Nadiman -Penyelia Tapak Projek - Pernyataan Saksi ditandakan sebagai "D-9".

#### KAUSA TINDAKAN PLAINTIF DAN PEMBELAAN DEFENDAN

[4] Secara asasnya, tuntutan Plaintiff terhadap Defendan adalah bagi ganti rugi khas berjumlah RM77,088.63 iaitu kos yang telah ditanggung oleh Plaintiff untuk kerja-kerja membaik pulih dan memulatugas kabel akibat daripada kecuaiian Defendan dan/atau pekerja-pekerjanya dan/atau ejen-ejenjnya dan/atau kontraktor-kontraktornya semasa menjalankan kerja-kerja mesin pengorek pada 22.04.2016.

[5] [Seksyen 33D](#), [37\(11\)](#), [S.37\(12\)\(a\)](#) dan [41\(1\)](#) Akta Bekalan Elektrik 1990 ("Akta ABE") memberi hak statutori kepada TNB untuk menuntut dari Defendan sebagai pihak bertanggungjawab di atas kerugian yang di alami oleh TNB akibat kerja pengorekan yang dijalankan oleh Defendan.

[6] Plaintiff juga bergantung kepada Prinsip '*Res Ipsa Loquitor*' dalam kes ini kerana pada setiap masa material Defendan merupakan kontraktor tunggal di kawasan pembinaan dan oleh sebab kecuaiian Defendan gagal mengambil langkah-langkah untuk menentusahkan kewujudan dan lokasi kabel elektrik kabel elektrik bawah tanah Plaintiff telah rosak apabila tanah runtuh berlaku.

[7] Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan sebagaimana tercatat didalam surat-surat tuntutan bertarikh 28.05.2018, 07.05.2019 dan 10.07.2019 bersama invoice Plaintiff di muka surat 16 Ikatan Dokumen Bersama. Butiran pengiraan kerugian ada dinyatakan dan dikemukakan serta boleh dilihat di muka surat 132-144 Ikatan Dokumen Bersama) [Eksibit "P 3"] adalah bagi kerugian berjumlah RM77,088.63. Sehingga kini, Defendan masih menafikan dan gagal, enggan dan/atau abai dalam menyelesaikan jumlah wang tuntutan tersebut ataupun apa-apa bahagian darinya.

[8] Tuntutan Plaintiff terhadap Defendan adalah bersandarkan kepada [Seksyen 33D](#), [37\(11\)](#) dan [\(12\)\(a\)](#) Akta ABE.

[9] Plaintiff juga merujuk kepada **Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Industri Pembinaan (Kerja Pengorekan) 2017** (Garis Panduan Kerja Pengorekan) yang memperuntukkan bahawa langkah-langkah untuk mengenalpasti lokasi utiliti-utiliti bawah tanah wajib dilakukan sebelum memulakan kerja pembinaan.

[10] Pembelaan Defendan mengikut penelitian Mahkamah, sepertimana terkandung di dalam Pembelaan Terpinda bertarikh 17.03.2021 adalah seperti berikut:

- (i) Plaintiff telah sumbang cuai kerana Plaintiff gagal menempatkan penanda kabel/papan tanda atau memastikan kabel elektrik Plaintiff berada di kawasan selamat.
- (ii) Plaintiff telah gagal memaklum atau memberi amaran kepada Defendan berkenaan kedudukan kabel elektrik tersebut agar kabel elektrik tersebut tidak akan terjejas.

#### RINGKASAN FAKTA KES

[11] Plaintiff adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta ABE dan merupakan pihak yang bertanggungjawab terhadap pembekalan kuasa elektrik Negara selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990.

[12] Defendan pula adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang menjalankan perniagaan perdagangan am dan pkhidmatan berkaitan pembinaan (General Trading and Construction Related Services) dan yang telah diawardkan sebagai kontraktor tunggal suatu Kontrak untuk membina dan menyiapkan longkang konkrit dan kerja-kerja berkaitan berhampiran Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di bawah Tender No.: MOA/BPSP/01/2015 (T) oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, (dirujuk sebagai "KPIAT tersebut") Bahagian Pengairan dan Sairan Pertanian yang dinilai sebanyak RM 1,416,246.02.

[13] Defendan melalui surat Pemberitahuan Penerimaan Tender bertarikh 01.10.2015 telah dilantik oleh KPIAT sebagai kontraktor bagi kerja-kerja projek tersebut.

[14] Pembinaan longkang konkrit tersebut adalah berbentuk L yang dibina di atas sebahagian daripada Lot 101441, Mukim Dengkil, Daerah Sepang.

**[15]** Pada 22.4.2016 lebih kurang pukul 5.37 petang, Plaintiff telah menerima aduan daripada seorang penduduk awam di Taman Kipark bahawa bekalan elektrik di kawasan perumahannya telah terputus.

**[16]** Pasukan Plaintiff telah membuat siasatan dan pemeriksaan untuk mencari punca bekalan elektrik terputus tersebut dan Plaintiff dapati bahawa kabel elektrik bawah tanah di kawasan persimpangan Jalan Desaria, Puchong iaitu berdekatan jambatan menuju ke Desaria Villa Condominium, Pulau Meranti, Puchong tersebut telah rosak akibat kerja-kerja pengorekan yang dijalankan oleh Defendan.

**[17]** Kabel elektrik bawah tanah Plaintiff bersaiz 240 MMP 3C XLPE yang rosak tersebut menghubungkan beberapa litar yang membekalkan elektrik seperti berikut:-

- (i) Pencawang Elektrik ('PE') LKIM 2 ke PE Jalan Meranti 6;
- (ii) PE LKIM 1 ke PE Desaria Villa 2; dan
- (iii) PE Taman Kipark ke STP LKIM.

**[18]** Kerosakan kabel tersebut menyebabkan gangguan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna dikawasan sekitar namun Plaintiff telah dengan secepat mungkin mengambil langkah membaikpulih kabel Plaintiff yang rosak serta mengembalikan bekalan elektrik kepada pengguna.

**[19]** Plaintiff seterusnya telah mengeluarkan surat tuntutan kepada Defendan bertarikh 28.05.2018 yang diiringi bersama inbois No. 61004729 untuk menuntut kos membaik pulihkan kabel berjumlah RM 77, 088.63 tersebut dengan dua (2) surat peringatan bertarikh 07.05.2019 dan 10.07.2019.

**[20]** Setelah menerima Notis pemakluman dan / atau tuntutan daripada Plaintiff bertarikh 28.05.2018 tersebut, Defendan telah menjawab surat Plaintiff tersebut melalui surat Defendan bertarikh 08.06.2018 yang mana Defendan telah menafikan keseluruhan tuntutan Plaintiff tersebut.

#### **ISU-ISU UNTUK DIPUTUSKAN MAHKAMAH**

**[21]** Mahkamah ini telah menghalusi isu-isu yang dikemukakan oleh pihak-pihak, Mahkamah ini berpendapat bahawa isu ini boleh diringkaskan seperti yang berikut:

- (i) Sama ada kerosakan yang berlaku pada kabel bervoltan tinggi 240MMP 3C XLPE milik Plaintiff adalah disebabkan oleh kecuiaan Defendan?
- (ii) Sama ada prinsip Res Ipsa Loquitor terpakai dalam tuntutan Plaintiff terhadap Defendan?
- (iii) Sama ada Plaintiff berhak menuntut daripada Defendan ganti rugi?

#### **DAPATAN MAHKAMAH**

**[22]** SP-1 yang merupakan seorang Juruteknik Tingkatan Tertinggi di syarikat Plaintiff mempunyai Sijil Politeknik dan Sijil Chargeman 11kv BO bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan dan membaikpulih tiang elektrik, pencawang elektrik dan aset-aset lain milik Plaintiff.

**[23]** Pada 22.4.2016 lebih kurang pukul 5.37 petang, SP-1 dan pasukan telah menerima aduan daripada seorang bernama En Chia di Taman Kipark bahawa bekalan elektrik di kawasan perumahannya telah terputus.

**[24]** SP-1 dan pasukan telah membuat pemeriksaan dan tinjauan bagi mengenalpasti lokasi dan punca bekalan elektrik terputus dan mendapati bahawa ianya berpunca daripada kabel rosak dikawasan persimpangan Jalan Desaria Puchong iaitu berdekatan jambatan menuju ke Desaria Villa Condominium Pulau Meranti Puchong.

**[25]** SP-1 telah ke lokasi kejadian dan daripada hasil pemeriksaan mendapati bahawa kabel Plaintiff yang dirosakkan adalah HT TNB 240MMP 3C XLPE. Kerosakan berpunca daripada kerja-kerja pengorekan dan pembinaan Defendan dimana Defendan merupakan kontraktor tunggal yang menjalankan kerja-kerja pembinaan dan pengorekan dengan mesin pengorek dilokasi kejadian. Penggunaan mesin pengorek telah menyebabkan kerosakan yang teruk kepada kabel Plaintiff dan dijalankan semasa keadaan tanah yang tidak sesuai pada masa itu. Pihak Defendan juga telah gagal untuk menanam *slab konkrit* bagi melindungi kabel elektrik Plaintiff.

**[26]** Kerosakan pada kabel menyebabkan pencawang Elektrik ('PE') LKIM 2 ke PE Jalan Meranti 6; PE LKIM 1 ke

PE Desaria Villa 2; dan PE Taman Kipark ke STP LKIM terputus dan menyebabkan gangguan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna sekitarnya selama tiga (3) jam.

[27] Tindakan membaikpulih kabel Plaintiff telah dilakukan termasuklah membaikpulih kabel elektrik Plaintiff yang rosak sementara mendapatkan peralatan, bahan, kabel dan kepakaran yang diperlukan untuk membuat kerja membaikpulih yang sempurna dan lengkap. SP-1 juga telah mengambil gambar kerja membaikpulih dijalankan sepertimana di muka surat 143-144 Ikatan Dokumen B.

[28] Kerja pemulihan mengembalikan bekalan elektrik kepada pengguna mengambil masa tiga (3) jam dan kerja membaiki kabel Plaintiff mengambil masa selama empat (4) hari.

[29] Laporan polis telah dibuat pada 05.05.2016 sepertimana Putra Perdana/002105/16 di muka surat 9 Ikatan Dokumen B.

[30] SP-1 telah menyediakan Laporan Awal Pemeriksaan (Rechargeable Job Order) (MS 132-144 Ikatan Dokumen B) [Eksibit "P 3"] yang telah diluluskan oleh SP-2.

[31] SP-1 juga telah memberikan keterangan bahawa tiada permohonan dan kebenaran diperolehi daripada Plaintiff sebelum Defendan melakukan kerja-kerja pembinaan dan pengorekan dilokasi kejadian. Malahan, Defendan juga tidak ada melakukan *Utility Mapping* sebelum Defendan melakukan kerja-kerja pembinaan dan pengorekan bagi mengenalpasti lokasi kabel, paip air, paip gas, dan kabel telekomunikasi dibawah tanah.

[32] Berdasarkan kepada penimbangan dan penelitian keterangan-keterangan lisan, dokumen dan juga gambar yang dikemukakan di Mahkamah ini, adalah menjadi dapatan Mahkamah bahawa wujud dan berlakunya kerosakan kabel Plaintiff HT TNB 240MMP 3C XLPE dilokasi kejadian yang diakibatkan oleh kecuaiannya Defendan dan/atau pekerja-pekerjanya dan/atau ejen-ejennya dan/atau kontraktor-kontraktornya semasa menjalankan kerja-kerja mesin pengorek pada 22.04.2016. Keterangan-keterangan yang telah dikemukakan mengenai berlakunya kerosakan kabel Plaintiff adalah *overwhelming* dan gagal langsung untuk disangkal oleh Defendan.

[33] Defendan sebagai Kontraktor tunggal yang dilantik mempunyai mempunyai kewajiban berjaga-jaga terhadap Plaintiff untuk memastikan kerja-kerja yang dilakukan oleh Defendan dijalankan dengan selamat dan tidak menyebabkan kerosakan kepada kabel elektrik Plaintiff namun Defendan telah melanggar kewajiban berhati-hati tersebut apabila gagal menentukan kewujudan dan lokasi kabel elektrik bawah tanah Plaintiff sebelum memulakan kerja pembinaan.

[34] Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguamcara Plaintiff bahawa kewajiban berhati-hati statutori seorang kontraktor adalah termaktub dibawah undang-undang seperti ABE 1990, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994), Akta Kilang dan Jentera 1967 (AKJ 1967) dimana langkah berhati-hati atau pencegahan atau mengurangkan risiko bahaya terhadap pekerja, orang awam, bangunan, utiliti-utiliti bawah tanah dan juga alam semula jadi wajib diambil sebelum memulakan projek pembinaan.

[35] Rujukan dibuat kepada [Seksyen 33D, 37\(11\) dan \(12\)\(a\)](#) Akta ABE yang antara lain memperuntukkan sepertimana berikut:

[S.33D](#) ABE 1990

*Tanggungjawab yang berhubungan dengan kerja selain kerja elektrik*

*33D.(1) Mana-mana orang yang menjalankan apa-apa pembinaan, pembangunan, pengubahsuaian atau kerja selain kerja elektrik berhampiran dengan pemasangan elektrik hendaklah memastikan bahawa kerja itu tidak menyebabkan gangguan kepada bekalan elektrik atau kecederaan berhubung elektrik kepada mana-mana orang atau kerosakan terhadap apa-apa harta benda.*

[S.37 \(11\) dan 12\(a\)](#) ABE 1990

*37 (11) Mana-mana orang yang dengan sengaja atau dengan cuai— (a) menyebabkan pembaziran elektrik yang dilencongkan dari aliran perialanannya yang patut; atau Bekalan Elektrik 69 (b) memecahkan, menumbangkan, menyebabkan diatuhkan atau dirosakkan apa-apa talian bekalan, tiang, pancang atau kelengkapan, pemasangan atau mana-mana bahagian daripadanya yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang bersambung dengan bekalan*

elektrik, melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(12) (a) Tiada seorang pun tanpa kebenaran sah daripada pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengusahakan apa-apa kerja atau melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti berhampiran dengan apa-apa pemasangan elektrik atau sebahagian daripadanya yang ditetapkan mengikut cara yang berkemungkinan mengganggu mana-mana pemasangan elektrik atau menyebabkan bahaya kepada mana-mana orang atau harta.

[36] Mahkamah juga merujuk kepada **Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Industri Pembinaan (Kerja Pengorekan) 2017** (Garis Panduan Kerja Pengorekan) yang memperuntukkan bahawa langkah-langkah untuk mengenalpasti lokasi utiliti-utiliti bawah tanah wajib dilakukan sebelum memulakan kerja pembinaan.

[37] Selain itu, tanggungjawab berhati-hati Defendan sebagai kontraktor diputuskan dalam kes *Telekom Malaysia Bhd v Mudajaya Corporation Bhd* [2014] 10 CLJ 791 yang memperuntukkan seperti berikut:

*“1) There was reasonable foreseeability on the part of the defendant as a contractor to take steps and safety precautions as not to damage the cables. The defendant who had undertaken the works should have foreseen that the plaintiff could have laid underground pipes or cables. Furthermore, the defendant’s construction works were in close and direct relationship of proximity with the plaintiff. Thus, it is fair, just and reasonable to impose the duty of care on the defendant, (para 20)*

*(2) The defendant was aware of the cable in the vicinity of the project and the construction works would affect the area where the cables were located, but did not make any enquiries on the exact location or discuss any precautionary measures to be undertaken in order to avoid the risk of damage to the plaintiff’s cable. The defendant was supposed to relocate the plaintiff’s cable to abate the risk of damage to it before commencing works on the site. There was considerable risk involved because the defendant’s construction works included earthworks such as drilling and piling which would invariably have an impact on the plaintiff’s cables. Thus, the risk of damaging the plaintiff’s cable was reasonably foreseeable and the defendant had failed to take reasonable steps to protect the plaintiff’s cables against those risks, (paras 24 & 29)”*

[38] Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan dan kes yang dirujuk diatas adalah jelas menunjukkan bahawa Defendan mempunyai kewajipan berhati-hati terhadap Plaintiff untuk memastikan bahawa kerja-kerja pembinaan dan pengorekan tidak menyebabkan kerosakan kepada kabel elektrik.

[39] Walaubagaimanapun, Defendan melalui keterangan SD-1 mengesahkan bahawa Defendan tidak pernah memaklumkan atau memperolehi sebarang kebenaran daripada Plaintiff untuk memulakan kerja-kerja pembinaan dan pengorekan.

[40] Defendan mengatakan bahawa kebenaran Plaintiff tidak tercatat didalam Kontrak maka ianya tidak diperlukan. Namun Mahkamah tidak dapat bersetuju dengan keterangan tersebut. Ini memandangkan Defendan sebagai sebuah syarikat yang telah berkecimpung dan mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan selama 12 tahun seharusnya mengetahui keperluan untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak Plaintiff sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan dan pengorekan.

[41] Malahan, SD-1 semasa dalam pemeriksaan balasnya bersetuju bahawa setiap syarikat pembinaan atau kontraktor adalah tertakluk kepada undang-undang, peraturan atau garis panduan semasa berkenaan dengan pembinaan.

[42] SD-1 juga mengesahkan bahawa terdapat bahawa setiap syarikat pembinaan ataupun kontraktor, mempunyai tanggungjawab atau kewajipan untuk berhati-hati agar pembinaan dijalankan dengan selamat dan tidak berbahaya termasuklah juga terhadap struktur, bangunan, utiliti, di kawasan tapak pembinaan dan persekitarannya.

[43] Pada setiap masa yang material Defendan mengetahui akan keperluan-keperluan yang perlu diambil tindakan sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan dan pengorekan namun gagal untuk mematuhi keperluan-keperluan tersebut.

[44] Selanjutnya, Defendan tidak ada membuat sebarang pertanyaan kepada Plaintiff untuk pengesahan kedudukan kabel Plaintiff mahupun memaklumkan kepada Plaintiff sebelum kerja-kerja pembinaan dan pengorekan dilakukan. Keadaan bertambah buruk apabila Defendan telah gagal untuk melakukan *Utility Mapping* bagi

mengesan kedudukan kabel elektrik milik Plaintiff dan mengambil apa-apa langkah perlu untuk mengelakkan kerosakan kepada kabel Plaintiff.

[45] Mahkamah dapati bahawa kegagalan Defendan untuk mendapatkan kebenaran daripada TNB untuk memulakan kerja-kerja pembinaan dan pengorekan dan melakukan *Utility Mapping* bagi mengesan kedudukan kabel elektrik milik Plaintiff jelaslah pelanggaran kepada [Seksyen 37\(12\)\(a\) ESA 1990](#).

[46] Defendan dalam pembelaannya telah melaksanakan tanggungjawab berhati-hati dengan mengatakan bahawa telah membuat pemeriksaan fizikal dan mendapati bahawa tiada sebarang tanda (*marker*) ataupun papan tanda di sekitar tapak projek yang menunjukkan kewujudan kabel Plaintiff di bawah tanah dan mewajarnya satu *Utility Mapping* diadakan.

[47] Defendan juga menegaskan bahawa tapak projek yang dijalankan adalah di atas tanah milik LKIM yang merupakan longkang sedia ada dan tiada keperluan untuk mendapatkan kebenaran pihak berkuasa tempatan mahupun syarikat berkanun.

[48] Namun, Mahkamah ini tidak dapat bersetuju dengan keterangan-keterangan tersebut dan hujahan Defendan bahawa tiada kebolehamalan bahawa wujudnya kabel elektrik Plaintiff di sekitar kawasanya. Defendan sebagai sebuah syarikat pembinaan yang mempunyai pengalaman selama 12 tahun semestinya mempunyai pengetahuan dan pengalaman bahawa adalah satu kebiasaan untuk syarikat utiliti menanam utiliti bawah tanah. Maka, langkah berhati-hati harus diambil untuk melindungi utiliti ini memandangkan risiko kerosakan utiliti bawah tanah adalah satu kebolehamalan apabila menjalankan kerja pengorekan di kawasan pembinaan.

[49] Semata-mata ketiadaan sebarang marker dan ketiadaan hubungan kontrak diantara pihak-pihak adalah tidak mencukupi untuk mengetepikan kewajipan berjaga-jaganya terhadap Plaintiff di bawah undang-undang sedia ada.

[50] Mahkamah dapati bahawa Plaintiff telah membuktikan kedudukan lokasi kerosakan kabel Plaintiff yang mana ianya berlaku di dalam tapak pembinaan dan pengorekan Defendan. Ini berdasarkan kepada bukti keterangan saksi, dokumen dan gambar dari pihak Plaintiff dan Defendan telah dikemukakan dimana lokasi kejadian kerosakan kabel telah dikenalpasti dengan tepat pada setiap masa material.

[51] Mahkamah ini telah merujuk kepada keterangan SP-1 dan SD-3 yang mana telah mengesahkan kejadian kerosakan kabel elektrik Plaintiff berlaku di sebelah jambatan dimana kerja pengorekan longkang dijalankan oleh Defendan. Mahkamah ini juga merujuk kepada gambar yang ditandakan sebagai Eksibit P2 (A-C) dan juga Laporan Akhir Kemajuan Defendan mukasurat 96 yang jelas menunjukkan kedudukan lokasi kerosakan kabel elektrik plaintiff dan tanah runtuh yang berlaku.

[52] Mahkamah juga berpendapat bahawa prinsip 'Res Ipsa Loquitor' adalah terpakai didalam kes ini. Prinsip Res Ipsa Loquitor dijelaskan secara ringkas dan padat dalam kes *Tenaga Nasional Berhad v Panareno Sdn Bhd (Vital Projects Sdn Bhd, third party and Semantra No-Dig Engineering Sdn Bhd, fourth party)* (2019) 4 CLJ 239 yang mana memperuntukkan seperti berikut:-

- (a) *The damage to the cable could not have happened without negligence;*
- (b) *The damage was caused by something under the sole management and control of the defendant or someone for whom it is a responsible or whom it has a right of control; and*
- (c) *The exact cause of the damage is not known.*

[53] Defendan merupakan kontraktor tunggal yang telah dilantik untuk membina longkang konkrit tersebut di kawasan pembinaan tersebut pada setiap masa material dan mempunyai pengurusan dan kawalan tunggal ke atas kerja-kerja pembinaan dan pengorekan yang dijalankan dari 20.10.2015 sehingga 6.5.2016.

[54] Terdapat juga kejadian tanah runtuh yang telah berlaku semasa kerja pembinaan dijalankan dan kabel elektrik Plaintiff juga telah rosak pada 22.4.2016.

[55] Adalah jelas bahawa tindakan pekerja/wakil/agen Defendan dalam menjalankan kerja pembinaan dan pengorekan di kawasan pembinaan tersebut yang telah menyebabkan kerosakan terhadap kabel elektrik Plaintiff memandangkan Defendan ialah Kontraktor tunggal dan mempunyai kawalan dan kuasa mutlak terhadap kawasan pembinaan tersebut pada setiap masa yang material.

[56] Tambahan pula, kerosakan kabel tidak akan berlaku sekiranya tidak ada nya kecuaiian Defendan yang telah gagal untuk mengenalpasti lokasi kedudukan kabel elektrik Plaintiff terlebih dahulu sebelum melakukan kerja-kerja pengorekan.

[57] Defendan menghujahkan bahawa pihak Plaintiff telah gagal untuk memplidkan isu *Utility Mapping* dan juga tanah runtuh. Namun, Mahkamah tidak dapat bersetuju dengan hujahan Defendan tersebut. Mahkamah dapati bahawa walaupun Plaintiff tidak memplidkan secara spesifik perkataan *Utility Mapping* dalam pidingnya namun Mahkamah dapati bahawa Plaintiff telah memplidkan secukupnya butir-butir kecuaiian Defendan. Manakala, bagi isu tanah runtuh pula, Mahkamah dapati ianya adalah dibangkitkan oleh Defendan sendiri dalam pembelaan dan keterangannya. Mahkamah dapati bahawa Plaintiff tidak menyimpang daripada plidingnya dan isu tanah runtuh juga tidak membangkitkan sebarang kejutan kepada Defendan.

[58] Mahkamah dapati bahawa kecuaiian Defendan telah menyebabkan kerosakan kepada kabel elektrik Plaintiff maka Plaintiff berhak kepada gantirugi yang dituntut memandangkan Plaintiff telah mengeluarkan kos bagi membaikpulih kabel elektrik tersebut.

[59] SP-2 telah menjelaskan pengiraan bagi setiap kos yang ditanggung oleh Plaintiff dalam membaikpulih kerosakan kabel elektrik Plaintiff sepertimana dalam Ringkasan butir-butir kerugian di muka surat 133 Ikatan Dokumen B [Eksibit "P 3"] yang mana jumlah kos ialah RM77,088.63.

[60] Mahkamah dapati bahawa gantirugi yang dipohon oleh Plaintiff adalah jumlah yang munasabah memandangkan kerosakan yang dialami oleh Plaintiff adalah substantial dan juga telah menjejaskan bekalan elektrik kepada pengguna.

[61] Rujukan dibuat kepada kes *Gee Eng Wah v Teoh Eng Keong & Anor* [\[2019\] MLJU 495](#) dimana Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

*" [87] In the present case the learned judge allowed the Plaintiffs' claim on the estimates amount of RM2,362,000.00 as rectification costs. The learned judge did not have other quotation to rely on. The learned judge has to do the best she can. Before her, there was quotation of estimates rectification costs in exhibit P7 as evidence in lieu of precise evidence. It is not disputed that exhibit P7 was an approximation or estimation that may be used of which the learned judge found it as reasonable and fair. Therefore, the estimates amount in exhibit P7 adduced in Court supported that approximation or estimation.*

*[88] In our considered opinion, the learned judge was correct in her decision to allow the amount in exhibit P7 as the estimates rectification costs. The learned judge was entitled to accept the evidence on exhibit P7 which he relied as sufficient evidence of value she had done the best she can. We agreed with the Plaintiffs that even if it is assumed that the Plaintiffs claims were exaggerated, there is no evidential basis proffered by the Defendant to find that the claims were grossly or substantially exaggerated or that they were submitted for the purpose of defrauding the Defendant."*

[62] Defendan pula telah gagal mengemukakan sebarang keterangan atau pengiraan alternatif yang boleh menggugat pengiraan kerugian Plaintiff tersebut.

#### **KESIMPULAN**

[63] Defendan sebagai kontraktor tunggal yang dilantik mempunyai mempunyai kewajipan berjaga-jaga terhadap Plaintiff untuk memastikan kerja-kerja yang dilakukan oleh Defendan dijalankan dengan selamat dan tidak menyebabkan kerosakan kepada kabel elektrik Plaintiff namun Defendan telah melanggar kewajipan berhati-hati tersebut apabila gagal menentukan kewujudan dan lokasi kabel elektrik bawah tanah Plaintiff sebelum memulakan kerja pembinaan.

[64] Pembelaan Defendan adalah semata-mata bahawa ketiadaan marker/papan tanda adalah tidak mencukupi untuk mengenenpikan kewajipan berjaga-jaga terhadap Plaintiff tersebut.

[65] Alibat kecuaiian Defendan tersebut telah menyebabkan kerosakan kepada kabel elektrik milik Plaintiff dan seterusnya menyebabkan Plaintiff telah menanggung kos bagi membaikpulih kabel elektrik yang rosak.

[66] Oleh yang demikian, berdasarkan pertimbangan-pertimbangan yang telah diperjelaskan, Mahkamah

mendapati bahawa Plaintiff telah berjaya membuktikan tuntutan di atas imbangan kebarangkalian dan dengan itu membenarkan tuntutan Plaintiff sebanyak RM77,088.63 dengan kos.

**[67]** Kos tindakan yang dibenarkan pula adalah sebanyak RM5.000.00 dan hendaklah dibayar oleh Defendan kepada Plaintiff.